



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

JKP 316/ JKP 413 – Pembangunan Politik Malaysia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan. Bahagian A **WAJIB** dijawab. Pilih dan jawab **DUA** soalan dari Bahagian B.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

BAHAGIAN A

Soalan **WAJIB** dijawab.

1. Adakah pembangunan politik Malaysia tergugat lanjutan daripada krisis *1Malaysia Development Berhad* (1MDB) di bawah pentadbiran Najib Razak sebagai Perdana Menteri? Berikan hujah anda.

(100 markah)

BAHAGIAN B

Pilih dan jawab **DUA** soalan sahaja.

2. Sejauh manakah pembangunan politik Malaysia era Najib Razak terus dibayangi oleh pengaruh Dr. Mahathir Mohamad?

(100 markah)

3. Menurut Menteri Dalam Negeri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, sehingga pertengahan Oktober 2016, 137 rakyat Malaysia telah ditahan kerana terlibat dengan gerakan pengganas *Islamic State of Iraq and Syria* (IS/ISIS/Daesh). Menurut Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin pula, daripada jumlah 240 rakyat Malaysia yang ditahan, 192 orang atau 80 peratus daripada mereka adalah dari kalangan belia ('Zahid: 137 detained so far over IS terror links', *The Star Online*, 18 Oktober 2016; 'Khairy: Majority of M'sian IS sympathisers are youths', *The Star Online*, 15 November 2016).

Berdasarkan statistik di atas, dan mengambil kira keberkesanan usaha-usaha kerajaan mewar-warkan pendekatan Islam yang berteraskan *wasatiyyah* (kesederhanaan), bincangkan sejauh manakah seriusnya masalah ekstremisme agama dalam kalangan masyarakat Melayu-Muslim di Malaysia.

(100 markah)

4. Ketua Menteri Sarawak Adenan Satem dan Timbalan Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Dr. Maximus Ongkili senada dalam usaha mengembalikan kedudukan Sarawak dan Sabah sebagai entiti tersendiri berbanding negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, dan bukan hanya semata-mata dua buah negeri dalam Persekutuan Malaysia sebagaimana digazetkan dalam pindaan Perlembagaan, Artikel 1(2), bertarikh 27 Ogos 1976 ('*Sarawak seeks to restore 1963 position*', *The Star Online*, 2 November 2016; 'Ongkili: PBS to co-sponsor Parliament motion on Sabah, Sarawak', *The Star Online*, 10 November 2016).

Apakah punca munculnya desakan mengembalikan kedudukan Sarawak dan Sabah yang didakwa telah dilunturkan dari perjanjian asal penubuhan Malaysia pada 16 September 1963? Bincangkan implikasi sekiranya tuntutan Sarawak dan Sabah ini menjadi kenyataan.

(100 markah)

5. Jelaskan secara ringkas dan padat, sumbangan positif mahupun negatif, tiga daripada organisasi masyarakat sivil berikut dalam penyuburan demokrasi kontemporari di Malaysia:
- (i) Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil 2.0 (BERSIH 2.0).
 - (ii) Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA).
 - (iii) Pertubuhan Kebajikan Dakwah Islamiah (PEKIDA).
 - (iv) *Christian Federation of Malaysia* (CFM).
 - (v) Sabah Sarawak Keluar Malaysia (SSKM).
 - (vi) *Tzu Chi Foundation Malaysia*.

(100 markah)